



## TAJUK PROJEK

### “GEGELUNG PAIP DITANDAS AWAM MDPP DALAM KEADAAN TIDAK SEMPURNA TIADA”

#### 1. PENGENALAN

Kumpulan MILLENIA WHITE SAND (MWS) ditubuhkan pada bulan Mei 2016 mewakili Unit Majlis Daerah Pasir Puteh. Ianya terdiri dari 9 orang ahli dan seorang Fasilitator dari bahagian Pentadbiran dan Teknikal. Ini merupakan kali pertama kumpulan ini menyahut cabaran keperingkat NEGERI KELANTAN. Moto kumpulan kami ialah 'INNOVATION FOR BEST SERVICES'.

#### 2. PUNCA UTAMA

Kumpulan MWS telah mengenalpasti 24 masalah yang berkaitan dengan kepuasan pelanggan. Setelah dianalisa masalah-masalah dengan 4 kaedah iaitu : Carta Matriks Data, Brainstorming, 'Paired Comparison' dan 'Forced Ranking', kumpulan kami telah memilih masalah 'Gegelung Paip Ditandas Awam MDPP Dalam Keadaan Tidak Sempurna' sebagai punca utama kepada kepuasan pelanggan.

#### 3. CADANGAN PENYELESAIAN

'Gegelung Paip Ditandas Awam MDPP Dalam Keadaan Tidak Sempurna' dianalisa melalui rajah Ishikawa yang merangkumi : manusia, bahan, mesin/alat, kaedah dan persekitaran telah membawa kepada penemuan punca-punca sebenar masalah. Pecahan daripada faktor-faktor tersebut telah menguraikan masalah-masalah yang mempengaruhi iaitu Kotor, Mudah Rosak, Menyusahkan, Hazad Jangkitan, Hazad Keselamatan dan Imej.

#### 4. KAEDAH PROJEK

Kajiselidik telah dilakukan kepada pelanggan yang terdiri daripada pengunjung, pelancong & kakitangan dengan mengedarkan borang kajiselidik berkenaan penggunaan 'Gegelung Paip Ditandas Awam MDPP Dalam Keadaan Tidak Sempurna'. Sebanyak 20 koresponden telah disoal selidik dan keputusannya menyatakan bahawa penggunaan gegelung paip sediaada tidak sesuai digunakan di tandas dan tidak mempunyai kelengkapan yang sepatutnya.

#### 5. SUMBANGAN

Kami dapati setelah MDPP beroperasi selama 29 tahun yang lalu, tiada alat penambahbaikan kepada penggunaan gegelung paip pencucian di tandas. Oleh yang demikian, kumpulan kami telah merekacipta satu alat sokongan kepada gegelung paip pencucian bagi keselesaan dan keselamatan pelanggan. Alat ini kami namakan sebagai 'SMART HOSE' yang diperbuat daripada bahan-bahan yang murah dan senang diperolehi. Ianya terdiri daripada gabungan komponen paip PVC, 'coil spring', 'bolt & nut', tali dawai keluli, kepingan aluminium serta dipasang pada dinding tandas dan diikat gegelung pada alat tersebut. Kesimpulannya gegelung paip tidak mudah rosak, bersih, kurangnya risiko jangkitan dan selamat digunakan serta imej jabatan.